

1. GARIS PANDUAN MENGENAKAN BAYARAN KOMPAUN KEPADA PEMAJU /PEMOHON YANG MEMULAKAN KERJA PEMBINAAN TANPA MENDAPAT KEBENARAN MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG.

Garis Panduan Mengenakan Bayaran Kompaun Kepada Pemaju/Pemohon Yang Memulakan Kerja Pembinaan Tanpa Mendapat Kebenaran MPPP, ini diluluskan dengan meminda kadar kompaun daripada 50 sen sekaki persegi kepada Rm 1.00 sekaki persegi seperti berikut:-

- a) Sekiranya permohonan merancang telah diluluskan dan sah, tetapi pelan bangunan belum diluluskan atau telah luput dan kerja pembinaan telah dimulakan tanpa kebenaran, maka yuran pelan bangunan 10 kali ganda dan kompaun RM1.00 sekaki persegi (berdasarkan kawasan ruang lantai yang berkaitan) dikenakan.
- b) Sekiranya pelan bangunan telah diluluskan dan masih sah tetapi permohonan merancang telah luput pada masa kerja pembinaan dimulakan, maka yuran permohonan merancang/pelan bangunan 10 kali ganda dan kompaun RM1.00 sekaki persegi (berdasarkan kawasan ruang lantai yang berkaitan) dikenakan.
- c) Sekiranya permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan telah diluluskan dan masih sah, tetapi tiada kebenaran memulakan kerja diberi bagi kerja pembinaan yang dimulakan, maka kompaun RM 1.00 sekaki persegi (berdasarkan kawasan ruang lantai yang berkaitan) dikenakan.
- d) Sekiranya permohonan merancang dan/atau pelan bangunan telah luput dan kerja pembinaan telah dimulakan tanpa kebenaran, maka yuran permohonan merancang/pelan bangunan 10 kali ganda dikenakan dan kompaun RM 1.00 sekaki persegi (berdasarkan kawasan ruang lantai yang berkaitan) dikenakan.
- e) Semua pemajuan 4 unit atau kurang daripadanya, rumah-rumah jenis setara, rumah kampung, serta pindaan & tambahan adalah dikecualikan daripada kompaun RM 1.00 sekaki persegi. (kawasan ruang lantai).
- f) Jawatankuasa telah bersetuju dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh Jabatan Bangunan supaya 'Garis panduan Mengenakan Bayaran Kompaun Kepada Pemaju/Pemohon Yang Memulakan Kerja Pembinaan Tanpa Mendapat Kebenaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang' yang sedia ada dipinda dengan meluluskan kenaikan kadar kompaun dari 50 sen sekaki persegi kepada RM 1.00 sekaki persegi.
- g) Tarikh kuatkuasa kadar baru ini adalah pada tarikh kelulusan oleh MBM pada 26.10.2007.